

Dr Ismail miliki semangat Melayu tulen: Raja Nazrin

Prinsip perjuangan bekas Timbalan PM perlu diamal generasi muda

Oleh Mohamed Farid Noh

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr Ismail Abdul Rahman memiliki semangat kebangsaan Melayu yang tulen, tetapi bukanlah seorang yang mengamalkan sifat perkauman.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, bertitah Dr Ismail juga tidak merestui amalan diskriminasi berasaskan kaum, sebaliknya sentiasa mengingatkan bahawa masyarakat di negara ini bukanlah masyarakat berpuak-puak.

"Masyarakat Malaysia berulang kali ditegaskan sebagai masyarakat berbilang kaum dengan budaya tersendiri penting bagi negara mempunyai pemimpin yang menuju ke arah mencipta sebuah negara Malaysia yang bersatu padu dalam kepelbagaian itu," titahnya.

Raja Nazrin bertitah demikian ketika melancarkan buku, *Bukan Kerana Pangkat: Tun Dr Ismail Dan Masanya*, di Universiti Malaya, di sini, semalam. Hadir sama, Raja Puan Besar Perak, Tuanku Zara Salim.

Buku yang dilancarkan baginda adalah terjemahan daripada buku biografi, *The Reluctant Politician-Tun Dr Ismail and His Time*, yang ditulis Dr Ooi Kee Beng, penyelar program pendidikan Malaysia di Institut Pengajian Asia Tenggara (ISEAS), Singapura.

Ia ditulis berdasarkan surat peribadi Allahyarham Dr Ismail, di samping biografi yang tidak sempat disiapkan beliau bertajuk, *Drifting Into Politics*, yang dimiliki anak sulungnya, Tawfik Ismail, 56.

Ketika berucap, Raja Nazrin beberapa kali berhenti kerana tidak dapat menahan sebak hingga tetamu hadir terharu dengan ucapan baginda dan bangun sambil bertepuk tangan sebak baginda selesai bertitah.

Raja Nazrin bertitah, Dr Ismail dan pemimpin seangkatan dengannya adalah barisan pemimpin gelombang per-




“ Allahyarham Dr Ismail bukan sekadar pemimpin individu, beliau juga memperlihatkan teladan kepemimpinan yang amat dihormati, disegani dan digeruni”

Raja Nazrin Shah
Raja Muda Perak

tama bagi sebuah negara bangsa yang baru merdeka memperlihatkan integriti tinggi yang sukar dipertikaikan.

"Mereka memperlihatkan kesetiaan kepada perjuangan, prinsip, bangsa dan negara. Walaupun negara tidak mempunyai universiti serta jumlah cerdik pandai dan intelek bangsa yang amat terbatas pada waktu itu, negara berjaya mendapat barisan pemimpin daripada kalangan insan yang terbaik.



TOKOH DISEGANI: Raja Nazrin sebak ketika membaca titah pelancaran buku 'Bukan Kerana Pangkat: Tun Dr Ismail Dan Masanya' di Universiti Malaya, semalam.

"Dalam ketandusan sumber intelek itu, terkandung pada setiap jiwa mereka kekayaan integriti dan kekuatan sumpah kesetiaan," titah baginda.

"Allahyarham Dr Ismail bukan sekadar pemimpin individu, beliau juga memperlihatkan teladan kepemimpinan yang amat dihormati, disegani dan digeruni.

"Walaupun frasa 'keimpinan melalui teladan' masih belum dicipta,

Dr Ismail mengamalkan sifat bersih, cekap dan amanah. Allahyarham juga memperlihatkan integriti tinggi," titah baginda.

Raja Nazrin bertitah, walaupun Dr Ismail sudah meninggal dunia 34 tahun lalu, prinsip perjuangannya tidak harus dikebumikan bersama.

"Prinsip perjuangannya perlu terus dihidupkan dan disuntikkan kepada rakyat di negara ini terutama pada generasi muda," titah baginda.